

Jepun sedar kepentingan kuasai bahasa Inggeris: PM

BH 20 JAN 2001

Daripada Karim Sulaiman

OSAKA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberitahu bahawa masyarakat Jepun, terutama generasi muda, kini semakin sedar mengenai kepentingan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris supaya dapat meneroka lebih jauh industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Perkara itu dijelaskan oleh seorang pelajar Universiti Elektro-Komunikasi di sini, apabila ditanya Perdana Menteri yang mengadakan kunjungan ke universiti berkenaan sempena lawatan kerjanya ke Jepun.

Menurut Shimizu Manabu, 25, pelajar tahun lima Sarjana Teknologi Maklumat, penguasaan bahasa Inggeris penting bagi membolehkannya menghadapi cabaran ICT, yang kebanyakan maklumatnya ditulis dalam bahasa itu.

“Dengan mempelajari bahasa Inggeris saya boleh mendapat lebih banyak maklumat dalam dunia multimedia,” kata Shimizu.

Universiti itu adalah antara pusat pengajian tinggi di Jepun yang menawarkan kursus berkaitan ICT.

Bagi mengikuti kursus

Masyarakat Jepun dikenali taksud dengan bahasa ibunda mereka terpaksa akur dengan mempelajari bahasa Inggeris kerana banyak maklumat mengenai teknologi maklumat ditulis dalam bahasa Inggeris

ICT, universiti itu menyediakan dua jurusan, iaitu Bahasa Inggeris-Matematik dan Sains-Matematik-Bahasa Inggeris pada peringkat sekolah tinggi.

Dalam kedua-dua jurusan, bahasa Inggeris adalah mata pelajaran wajib sebagai persediaan pelajar mengikuti kursus ICT.

Masyarakat Jepun dikenali taksud dengan bahasa ibunda mereka. Bagaimanapun, dengan perkembangan terkini dalam dunia ICT, mereka tidak mahu ketinggalan melengkapkan pelajar dengan penguasaan bahasa Inggeris.

Penguasaan bahasa Inggeris turut ditekankan oleh Dr Mahathir bagi membolehkan rakyat Malaysia bersaing dan menguasai ilmu ICT.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri pula ditanya mengenai perkembangan

ICT di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi menggalakkan perkembangan industri ICT.

Menurutnya, MSC menyediakan pelbagai kemudahan bersepadu termasuk dari segi infrastruktur bagi menarik syarikat tempatan dan pelabur asing bergiat dalam kawasan itu.

“Mereka antara lain boleh membuat penyelidikan dan melatih kakitangan dalam industri multimedia.

“MSC menyediakan kemudahan menarik untuk rakyat tempatan dan pelabur asing,” katanya.

Dalam kunjungan ke universiti itu, Dr Mahathir meneliti kelas IT yang dalam sedang sesi dan melihat bagaimana pelajar